

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah terdapat sistem kuota pekerja asing kategori mahir. Sekiranya ya, adakah pihak Kementerian sedang menguatkuasakan sistem tersebut. Dan sekiranya tidak, adakah pihak Kementerian bercadang untuk melakukan tindakan seumpunya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Sistem kawalan yang digunapakai bagi penentuan jumlah ekspatriat yang dipohon melalui Bahagian Khidmat Ekspatriat (ESD) tidak menggunakan sistem kuota tetapi adalah anggaran jumlah Ekspatriat yang ingin dipohon. Syarikat yang ingin memohon kategori pekerja asing mahir atau lebih dikenali sebagai ekspatriat perlu memohon secara atas talian iaitu anggaran jumlah ekspatriat yang diperlukan setiap tahun sebelum dibenarkan memohon ekspatriat.
2. Permohonan yang dibuat akan melalui beberapa tapisan penilaian di mana keperluan jumlah ekspatriat yang dipohon perlu menepati kriteria seperti keperluan jawatan untuk diisi, jumlah ekspatriat sedia ada, perkembangan syarikat dan lain-lain maklumat tambahan sekiranya perlu.
3. Antara kawalan yang dibuat adalah, syarikat perlu menentukan bilangan ekspatriat melalui kategori kumpulan ekspatriat iaitu kumpulan "*Top Management*", "*Middle Management*", teknikal dan "*junior/data entry*". Syarikat hanya dibenarkan memohon ekspatriat setelah ianya diluluskan berdasarkan jumlah dan kategori kumpulan.
4. Salah satu kriteria penting semasa penilaian jumlah ekspatriat yang dipohon adalah sama ada jawatan yang diperlukan oleh syarikat boleh diisi oleh rakyat tempatan. Ia adalah untuk memastikan keutamaan peluang pekerjaan atau jawatan tersebut boleh diisi oleh rakyat tempatan. Langkah ini akan dapat mengurangkan kebergantungan syarikat kepada kepakaran warga asing.

SOALAN NO: 24

5. Selain itu, kawalan yang dibuat ialah jumlah anggaran yang diluluskan hanya boleh digunapakai pada tahun semasa ia dipohon dan syarikat perlu membuat permohonan jumlah bilangan ekspatriat yang baru sekiranya memerlukan ekspatriat pada tahun yang berikutnya.

6. Sekiranya perlu, semasa proses penilaian permohonan sebelum sebarang keputusan dibuat, syarikat yang memohon juga akan dijemput untuk hadir bagi memberikan penjelasan lanjut mengenai jumlah anggaran yang dipohon.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Sistem anggaran keperluan ekspatriat yang diguna pakai ini tidak menjamin kepada keputusan akhir keperluan jawatan semasa permohonan individu ekspatriat dibuat oleh pihak syarikat. Setiap permohonan individu jawatan ekspatriat ini akan sekali lagi melalui tapisan penilaian dan dibentangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Panel Ekspatriat yang dipengerusikan oleh Kementerian Dalam Negeri dan dihadiri oleh agensi-agensi pelulus dan kawal selia yang berkaitan. Ini adalah bagi memastikan jawatan ekspatriat yang dipohon tidak menjejaskan peluang pekerjaan yang boleh diisi oleh rakyat tempatan. Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai sebarang sistem kuota pekerja asing kategori mahir pada masa ini.